



RAWATAN IODIN RADIOAKTIF DOS TINGGI (I-131)

PENDIDIKAN
KESELAMATAN SINARAN





APAKAH RAWATAN IODIN RADIOAKTIF (I-131) DOS TINGGI?



Terapi I-131 dos tinggi ialah rawatan perubatan nuklear yang disasarkan, digunakan terutamanya untuk **kanser tiroid jenis berdiferensiasi**. Dos tinggi **I-131 radioaktif** akan diberikan dan diserap secara selektif oleh sel-sel tiroid (termasuk sel kanser), memusnahkannya melalui sinaran beta sambil meminimumkan kerosakan kepada tisu sekeliling.

MAKLUMAT PENTING

BAGAIMANAKAH RAWATAN DIBERIKAN?



Anda akan **menelan** kapsul I-131 radioaktif yang **tidak mempunyai rasa** dan **bau**.



Anda **tidak dibenarkan makan** atau **minum** selama satu jam pertama selepas mengambil I-131. Ini membolehkan I-131 diserap sepenuhnya.

APAKAH YANG BERLAKU SELEPAS RAWATAN?



Selepas rawatan, badan anda akan mengandungi sedikit kesan radioaktif bagi satu tempoh masa, termasuk **cecair** dan **bahan buangan badan** (air kencing, najis, peluh, muntah, darah dan air liur).



Oleh itu, anda perlu mematuhi **langkah keselamatan** dan **kebersihan** yang ditetapkan untuk mengelakkan pendedahan sinaran kepada orang lain.

PANDUAN PENGASINGAN DIRI



Anda akan ditempatkan di **bilik pengasingan khas – Wad 6D** selama beberapa hari.



Ini kerana badan anda akan memancarkan radiasi melebihi had keselamatan yang ditetapkan untuk orang awam.



Kakitangan hospital akan meminimumkan sentuhan fizikal tetapi tetap memantau keadaan anda dengan teliti.

BERAPA LAMA KESAN RADIASI AKAN BERTAHAN?



Tahap radioaktiviti I-131 akan berkurangan separuh setiap **8 hari** (dikenali sebagai “**separuh hayat**”).



Tahap radiasi anda akan diukur setiap hari menggunakan **pengesan yang dipasang pada siling**.



Anda akan dibenarkan pulang apabila tahap radiasi turun di **bawah 50 μ Sv/jam** pada jarak **1 meter**.

SENARAI TUGASAN PESAKIT IODIN RADIOAKTIF DOS TINGGI (I-131)

SEBELUM RAWATAN



Amalkan diet rendah iodin dan elakkan makanan laut serta makanan berasaskan laut sekurang-kurangnya **2 minggu** sebelum rawatan.

Hentikan pengambilan ubat hormon tiroid (L-thyroxine) selama **1 bulan** sebelum tarikh rawatan.



Bagi pesakit wanita, kehamilan adalah dilarang sama sekali untuk rawatan I-131.

Bagi pesakit yang menyusukan anak, hentikan penyusuan sekurang-kurangnya **8 minggu** sebelum rawatan dan tidak boleh disambung semula sehingga kehamilan berikutnya.



Demi keselamatan radiasi untuk doktor dan kakitangan, sila bincangkan sebarang kebimbangan dengan staf sebelum menerima rawatan I-131.

LAWATAN DI WAD

Lawatan semasa tempoh pengasingan tidak digalakkan, terutamanya bagi wanita hamil dan kanak-kanak kecil. Sekiranya lawatan segera diperlukan:

-  Lawatan hanya dibenarkan **24 jam** selepas pengambilan I-131.
-  Pelawat dibenarkan untuk tempoh singkat sahaja, maksimum **30 minit** sehari, dan mesti berada sekurang-kurangnya **1 meter** daripada anda.

IMBASAN



Sebelum discaj, anda akan menjalani **imbasan SPECT/CT** untuk menilai berapa banyak I-131 telah diserap oleh badan anda.

SENARAI TUGASAN PESAKIT IODIN RADIOAKTIF DOS TINGGI (I-131)

SEMASA PENGASINGAN (BILIK TUNGGAL)



Untuk bantuan, gunakan telefon untuk menghubungi jururawat wad.



Tiada perkhidmatan pembersihan bilik sepanjang tempoh penginapan.



Makanan rendah iodin akan disediakan menggunakan peralatan pakai buang.



Jangan keluar dari bilik pengasingan kecuali semasa kecemasan (contohnya kebakaran).



Ahli fizik perubatan akan melawat setiap hari untuk mengukur tahap sinaran. Sila baring di atas katil semasa pengukuran dijalankan menggunakan pengesan yang dipasang pada siling.



Pesakit lelaki dan wanita mesti duduk semasa membuang air kecil bagi mengelakkan percikan air kencing radioaktif di lantai. Jika berlaku tumpahan kecil air kencing di lantai, bilas dengan air untuk membersihkan kesan I-131. Sila pam tandas dua kali setiap kali selepas digunakan.



Basuh tangan setiap kali selepas menggunakan tandas bagi mengelakkan pencemaran pada tombol pintu atau permukaan lain.



Gunakan tandas atau beg muntah khas jika muntah berlaku. Jika muntah di tempat lain, hubungi jururawat wad dengan segera.



Mandi setiap hari dan minum sekurang-kurangnya 7 gelas air sehari untuk membantu penyingkiran I-131 melalui air kencing.



Asingkan sisa dengan betul untuk tujuan kawalan jangkitan:



Tong kuning

Sisa klinikal (contohnya lampin, tuala wanita, tisu terpakai)



Tong hitam

Sisa makanan, peralatan makan, bekas makanan, dan sisa plastik am



Anda boleh membawa pakaian lama untuk dipakai, tetapi semua pakaian yang digunakan semasa penginapan akan dianggap tercemar dan perlu dibasuh secara berasingan, atau disimpan selama 2 bulan sebelum digunakan semula.



Bawa 2 pasang selipar atau sandal untuk mengelakkan pencemaran:
Pasangan 1: Digunakan di dalam bilik pengasingan sahaja (akan dibuang selepas discaj).
Pasangan 2: Digunakan semasa imbasan dan semasa keluar wad.



SENARAI TUGASAN PESAKIT IODIN RADIOAKTIF DOS TINGGI (I-131)

APAKAH SEKATAN SELEPAS DISCAJ?


Ikuti panduan ini **sekurang-kurangnya 1 minggu** selepas tarikh rawatan:



Teruskan pengasingan di rumah, dalam bilik sendiri dengan bilik air peribadi untuk melengkapkan **1 minggu kuarantin** (bermula dari tarikh rawatan) dan patuhi langkah berjaga-jaga seperti dinyatakan di bahagian "Semasa Pengasingan".




Tangguhkan perjalanan udara selama **1 bulan** selepas discaj. Anda mungkin mengaktifkan pengesan radiasi di lapangan terbang kerana masih terdapat sedikit jumlah I-131 dalam badan.




Gunakan pengangkutan persendirian untuk pulang ke rumah. Duduk secara menyerong dari pemandu untuk memaksimumkan jarak.



Jika menggunakan pengangkutan awam, hadkan perjalanan kepada **kurang daripada 2 jam** dan duduk sejauh mungkin daripada orang lain.



Kekalkan jarak sekurang-kurangnya **1 meter** daripada orang dewasa, **2 meter** daripada wanita hamil dan kanak-kanak bawah 10 tahun.



Asingkan berus gigi daripada orang lain dan gantikan **selepas 1 minggu** kerana air liur radioaktif boleh mencemarkannya.



Jangan berkongsi makanan atau peralatan makan dengan orang lain. Gunakan peralatan pakai buang.



Tiada sekatan untuk hubungan dengan haiwan peliharaan.



Elakkan bercium dan melakukan hubungan seksual.



Basuh pakaian secara berasingan, termasuk:

- Cadar
- Tuala
- Kain lap muka
- Baju tidur
- Pakaian dalam
- Pakaian yang terkena peluh, darah atau air kencing



Tangguhkan perancangan untuk hamil dan gunakan kaedah perancang keluarga yang boleh dipercayai selama **sekurang-kurangnya 6 bulan** selepas tarikh rawatan. Pesakit lelaki dinasihatkan supaya tidak merancang untuk menimang cahaya mata (menghamilkan pasangan) selama **4 bulan** selepas rawatan iodin radioaktif.

Pusat Kanser terletak di LG, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat 8.30am - 5.30pm

Sabtu 8.30am - 12.30pm

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:



+603-7491 9191



+6019-297 1185



smc@sunway.com.my